

Bukti qarinah yang dianggap relevan dalam hukum Islam adalah faktor kependekan dan faktor teknologi yang semakin melimpah membuat bukti qarinah tidak lagi menjadi bukti yang kuat dan akurat. Dengan perkembangan teknologi dan pengetahuan dunia ini, bukti qarinah tidak lagi dilihat sebagai bukti yang kuat dan akurat. Dalam hal ini, bukti qarinah tidak lagi dilihat sebagai bukti yang kuat dan akurat. Dalam hal ini, bukti qarinah tidak lagi dilihat sebagai bukti yang kuat dan akurat.

Dalam perkembangan teknologi dan pengetahuan dunia ini, bukti qarinah tidak lagi dilihat sebagai bukti yang kuat dan akurat. Dalam hal ini, bukti qarinah tidak lagi dilihat sebagai bukti yang kuat dan akurat. Dalam hal ini, bukti qarinah tidak lagi dilihat sebagai bukti yang kuat dan akurat.

## Fakta Berkaitan (*Al-Qarinah*) Dalam Kes Bunuh Menurut Islam

Ruzman Md. Noor

Jurnal Ilmiah Hukum dan Sosial

Berikut merupakan deskripsi singkat mengenai isi artikel ini:  
**Abstract** –  
Artikel ini membincangkan tentang fakta berkaitan (*Al-Qarinah*) dalam kes bunuh menurut Islam. Artikel ini berusaha untuk mengetahui bagaimana fakta berkaitan (*Al-Qarinah*) dalam kes bunuh menurut Islam.

*Relevant facts or qarinah according to the view of majority in Islamic criminal law is not a conclusive evidence especially in criminal cases such as hukud and qisas. This view nevertheless should be reviewed as advancement in science and technology has made evidence such as al-qarinah much more reliable than it used to be before. The article tries to elaborate some aspects of qarinah as applied in murder case.*

### Pendahuluan

*Qarinah* adalah satu bentuk pembuktian di dalam Undang-undang Keterangan Islam di mana sesuatu kes itu boleh disabitkan walaupun tidak terdapatnya bukti langsung. *Qarinah* bermaksud segala tanda-tanda yang zahir yang menunjukkan kepada sesuatu yang tersembunyi dan ia menjadi petunjuk kepada perkara tersebut. Secara tegasnya pengertian di atas memerlukan dua unsur: pertama, wujudnya fakta zahir yang diketahui dan menjadi asas sandaran; kedua, wujudnya petunjuk yang menghubungkan fakta zahir dengan fakta yang tersembunyi tadi.<sup>1</sup> Jika dilihat dari sudut nyataan atau fakta, ia termasuk dalam fakta yang berkaitan (*relevant facts*) di mana ia menjadi penerang kepada kemungkinan wujud atau tidak fakta asas atau fakta isu.<sup>2</sup>

Sebagai contoh, dalam kes mencuri di mana seseorang yang didapati memiliki barang curi selepas sahaja suatu kejadian mencuri dilaporkan. Ia boleh dianggapkan sebagai pencuri atau memiliki barang curi dengan mengetahui bahawa barang itu barang curi. Beliau boleh menafikan anggapan (*presumption*) berkenaan dengan mendatangkan keterangan yang munasabah. Fakta yang berkaitan dalam kes ini ialah pemilikan barang curi dalam tempoh masa tertentu selepas kejadian mencuri. Bilamana fakta ini boleh dibuktikan maka anggapan tadi boleh dibuat.

Contoh yang lain ialah apabila seseorang perempuan mengandung tanpa pernah berkahwin. Fakta berkaitan atau *qarinah* ialah mengandung dan tidak pernah berkahwin. Apabila fakta ini boleh dibuktikan, beliau boleh dianggap melakukan perzinaan (bagi pendapat yang menerima *qarinah* ini dalam dalam kes zina atau fakta asas<sup>3</sup> yang menjadi isu dalam kes berkenaan). Beban bukti untuk menafikan anggapan jenayah itu walau bagaimanapun ringan untuk beliau melepaskan diri.

Oleh itu jelas bahawa perbincangan ini melibatkan beberapa aspek penting dalam perundangan seperti, fakta berkaitan, keterangan keadaan, anggapan, kes prima facie dan beban pembuktian. Artikel ini tidak akan membincangkan ke semua aspek ini secara terperinci, tetapi akan memusatkan kepada penggunaannya di dalam kes pembunuhan.

### Penerimaan Keterangan Keadaan (*Qarinah*)

Ulama berbeza pendapat sama ada keterangan *al-qarinah* boleh diterima sebagai bahan bukti. Secara ringkasnya kebanyakan ulama tidak menerima *al-qarinah* ini di dalam kes-kes hudud dan juga *qisas* melainkan jika disokong oleh bukti-bukti lain seperti *qasamah*.<sup>4</sup>

Sebahagian fuqaha menerima penggunaannya di dalam kes-kes hudud dengan berhati-hati. Sementara terdapat juga ulama yang menentukan secara jelas apakah bentuk keterangan keadaan yang boleh diterima dalam kes-kes tertentu. Kesemua pendekatan yang diambil ini adalah semata-mata untuk mengelakkan syubhat dalam sesuatu kes dan inginkan agar keadilan yang sempurna dapat ditegakkan dan kezaliman dapat dijauhi. Begitu juga mereka berpegang kepada prinsip memberikan faedah keraguan kepada orang yang dituduh. Dengan sebab itu jumhur mengambil sikap yang agak ketat terutamanya di dalam kes-kes hudud. Namun begitu kajian lanjutan diperlukan untuk menentukan kedudukan *al-qarinah* dalam suasana semasa umat Islam masa kini.<sup>5</sup>

### Fakta Berkaitan (*Qarinah*) dalam Kes Bunuh.

Ulama fiqh mengiktiraf *iqrar* (pengakuan) bersumpah dan *syahadah* (keterangan saksi) sebagai asas sabitan di dalam kes bunuh (*al-qatl*). Fakta yang menjadi isu dalam kes pembunuhan boleh dibuktikan dengan kedua-dua kaedah tersebut tanpa ragu-ragu. Namun begitu timbul perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam menerima keterangan *qarinah*. Perbezaan pendapat ini boleh dibahagikan kepada tiga:

Pertama: Ibn Qayyim dan Ibn Farhun<sup>6</sup> berpendapat bahawa *qarinah* atau keterangan keadaan ini boleh dipakai secara meluas dan boleh digunakan di dalam kes-kes qisas.<sup>7</sup>

Menurut Ibn Qayyim, adakah seseorang itu berasa sangsi untuk menuduh seseorang pembunuhan apabila melihat mangsa pembunuhan terbujur bergenang dengan darah, terdapat berhampiran mayat itu seorang yang memegang pisau berlumuran darah, lebih-lebih lagi telah diketahui wujudnya motif pembunuhan ke atas yang dituduh?<sup>8</sup> Pendapat pertama ini telah digunakan di dalam Undang- undang Keterangan Yaman (*al-Qanun al-Ithbat al-Yamani*).<sup>9</sup>

Kedua: Berdasarkan kepada Mazhab Hanafi, *qarinah* apabila mencapai tahap yang begitu kukuh (*qarinah qat'iyyah*), boleh mensabitkan orang yang dituduh. Artikel-artikel 1740 dan 1741 *Majallah Ahkam Al-'Adliyyah* menyebut:

*Salah satu alasan untuk hukuman ialah adanya qarinah qat'iyyah. Qarinah qat'iyyah ialah suatu tanda yang mencapai tahap yakin. Umpamanya, jika seseorang keluar dari sebuah rumah kosong dalam keadaan ketakutan dan tidak tentu arah dan tangannya memegang sebilah pisau yang berlumuran darah, apabila diperiksa rumah itu, ada seseorang yang telah mati, disembelih pada waktu itu, tidak diragukan lagi bahawa orang itu pembunuhnya. Tidak boleh dipalingkan (dipegang) kepada andaian lain yang kabur seperti andaian bahawa boleh jadi orang itu membunuh dirinya sendiri.*

Peruntukan ini disebut juga dalam fasal 170 Undang-undang Keterangan Yaman. Ia disebut *qarinah qati'ah qada'iah*. Berdasar pendapat ini, keterangan keadaan tersebut adalah mencukupi untuk mensabitkan orang yang dituduh. Sementara keterangan keadaan yang kurang darjatnya perlu diselidiki secara lanjut untuk memuaskan hati mahkamah.<sup>10</sup>

Ketiga: Jumhur ulama berpendapat keterangan keadaan ini merupakan *qarinah* untuk membolehkan *qasamah* dilaksanakan.<sup>11</sup> Perbincangan selanjutnya akan menghuraikan prinsip dan perlaksanaannya serta kaitannya dengan *qarinah*. Prosedur *qasamah* pula hanya terpakai dalam kes pembunuhan sahaja.<sup>12</sup>

Jumhur ulama selain dari golongan Hanafiah mengertikan *qasamah* sebagai sumpah dari lima puluh orang lelaki membuat dakwaan ke atas yang dituduh dengan berkata: "dengan nama Allah, A telah dibunuh oleh B." Sementara dalam Mazhab Hanafi, sumpah ini dilakukan oleh penduduk tempat mangsa dijumpai untuk menolak tohmannan ke atas mereka dengan berkata: "dengan nama Allah aku tidak membunuhnya dan tidak tahu siapa yang membunuhnya".<sup>13</sup> Mazhab Hanafi juga mensyaratkan pembunuohnya tidak diketahui. Jika diketahui pembunuohnya sama ada melalui *iqrar*, *syahadah* atau *qarinah qat'iyyah*, maka wajib sama ada *qisas* atau *diyat* bergantung kepada jenis pembunuhan.

Syarat utama qasamah pada menurut pandangan jumhur fuqaha selain Hanafiah ialah *lawth* (atau disebut *syubhat*),<sup>14</sup> dan tidak ada sebarang *iqrar* atau *shahadah*. Mazhab Maliki menafsirkan *lawth* sebagai perkara-perkara yang menimbulkan berat sangka bahawa ia dilakukan oleh orang yang dituduh. Antara contohnya kenyataan mangsa bahawa beliau dicederakan oleh orang yang dituduh dan terdapat kesan-kesan pada tubuhnya. Ini adalah dengan syarat mangsa itu seorang yang cukup umur (*baligh*), waras fikiran (*aqil*), merdeka dan muslim.

Contoh yang seterusnya ialah, syahadah dua orang yang adil ke atas perlakuan yang mencederakan atau melukakan itu, *syahadah* seorang sahaja ke atas pembunuhan itu, syahadah seorang sahaja ke atas perlukaan itu dan yang dituduh berada di sisi mayat berserta kesan pembunuhan.

Menurut mazhab Syafi'i *lawth* bagi keterangan keadaan boleh berupa suatu keadaan sesuatu atau percakapan yang menunjukkan kebenaran dakwaan tersebut. Sebagai contohnya, mangsa di dapati di satu tempat yang bermusuhan dengan tempat tinggal si mangsa, *syahadah* seorang sahaja atau syahadah wanita, kenyataan seorang yang fasik, kanak-kanak atau orang kafir dan berkhabaran yang tersebar luas (*mutawatir*) berkenaan dengan yang dituduh.

Menurut mazhab Hanbali, *lawth* ialah perseteruan yang nyata antara mangsa dan orang yang dituduh. Tanpa adanya motif ini maka fakta yang wujud tidak dikira *lawth*. Mazhab Maliki, tidak menganggap motif sebagai satu elemen yang boleh menunjukkan adanya *lawth*. Antara *lawth* yang diterima ialah kenyataan mangsa sebelum kematiannya. Sesetengah ulama tidak menganggap nyataan ini sebagai *lawth*.

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa *lawth* itu ialah sebarang keterangan yang berkaitan atau fakta berkaitan yang tidak *qat'i*<sup>15</sup> tentang pembunuhan tersebut.<sup>16</sup> Mazhab Hanafi pula tidak mensyaratkan *lawth*, bahkan mereka mensyaratkan wujudnya kesan pembunuhan seperti kesan luka, cekikan, lebam dan sebagainya pada mangsa. Perbezaan yang wujud dalam memperincikan bentuk nyataan-nyataan yang termasuk ke dalam istilah *lawth* mungkin berpunca dari pendekatan, pengalaman dan suasana semasa ulama berkenaan. Adalah jelas bahawa *lawth* itu ialah *qarinah*. *Qasamah* akan diterima jika dapat dibuktikan terdapatnya *lawth* di dalam kes-kes berkenaan.

### Kesan *Qasamah*

Ulama sepakat bahawa *diyat* diwajibkan apabila *qasamah* dilaksanakan dalam kes pembunuhan yang tersilap (*khata'*) dan separa sengaja (*syibih al-'Amd*). Jika pembunuhan sengaja (*al-'amd*), mengikut mazhab Hanafi dan Syafi'i (*qawl jadid*) hanya *diyat* yang dikenakan. Ini berdasarkan keterangan keadaan yang diikuti dengan sumpah bukanlah sabit secara *qat'i*, di mana di dalam keadaan demikian *qisas* tidak dibolehkan.<sup>17</sup> Pendapat ini dibuat dengan menggunakan kaedah bahawa faedah kepada sebarang keraguan akan diberikan kepada orang yang dituduh.

Manakala Mazhab Maliki dan Hanbali mewajibkan *qisas* dalam kes pembunuhan sengaja. Sabitan dengan kaedah ini sama dengan kesaksian dua

orang lelaki yang adil. Mereka juga beralasan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim.<sup>18</sup>

### Ulasan

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa jumhur ulama lebih bersedia menerima *qarinah* di dalam kes-kes pembunuhan berbanding dengan kes-kes hudud. Fakta berkaitan ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan kesemuanya bergabung untuk meyakinkan mahkamah bahawa orang yang dituduh telah melakukan jenayah berkenaan. Pemakaian prinsip *qasamah* pada masakini boleh dinilai dan dikaji secara yang objektif berdasarkan kesesuaian masa, tempat dan budaya tempatan. Pendapat Ibn Qayyim yang terbuka di dalam penerimaan *qarinah* sebagai asas sabitan tidak boleh disalahanggapkan sebagai terlalu longgar. Demikian juga pendapat dalam mazhab Hanafi yang menerima keterangan keadaan tertentu yang cukup kukuh sebelum tertuduh disabitkan. Penerimaan *qarinah* akan diterima jika ianya kuat. Sementara yang masih kabur akan diselidiki dan yang lemah akan ditolak.<sup>19</sup> Begitu juga harus difahami bahawa penolakan ulama berdasarkan kewujudan syubhat dan keraguan. Apabila sebarang keraguan atau keraguan yang munasabah (*reasonable doubt*) tidak lagi wujud maka keadilan boleh ditegakkan di dalam kes berkenaan.

Bentuk pembuktian sebegini juga digunakan di Malaysia, Seksyen 300 Kanun Kesiksaan Malaysia sebagai contohnya memperuntukkan bahawa kesalahan membunuh, sebagaimana kes-kes jenayah yang lain, boleh dibuktikan samada dengan keterangan terus atau keterangan keadaan (*circumstantial evidence*). Apa yang mustahak ialah pihak pendakwa perlu membuktikan kes ini ke tahap tanpa keraguan yang munasabah.<sup>20</sup> Keterangan keadaan boleh menjadi penguat antara satu sama lain dan tahap darjah pembuktian ini boleh dicapai. Dalam kes Chan Chwen Kong lawan PP<sup>21</sup> Hakim Thomson menyebut:

*In cases like this where the evidence is wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is; is that rope strong enough to hang the prisoner?*

### Kesimpulan

Peruntukan mengenai *qarinah* di dalam Islam boleh dilihat persamaannya dengan peruntukan fakta berkaitan (umum) Akta Keterangan 1950. Dengan sebab itu kesemua negeri-negeri di Malaysia yang telah meluluskan Enakmen/Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah menerima pakai seksyen-seksyen 5 - 16 dengan menggunakan perkataan “*qarinah*” menggantikan “fakta berkaitan”. Keterangan keadaan di dalam kes menyebabkan kematian di dalam sistem perundangan Malaysia boleh dikaji dan disesuaikan dengan hukum Islam.

## Nota Hujung

1. Dr. Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Damsyik, Dar al- Fikr: 1989, j. 6, h. 391.
2. Stephen memberikan takrif yang hampir sama apabila beliau menghuraikan perkataan ‘relevant’: “Any two facts... so related to each other that according to the common course of events one either taken by itself or in connection with other facts proves or renders probable the past, present or future existence or non-existence of the other.”- Lihat Sir James Fitzjames Stephen, *A Digest of the Law of Evidence*, 12th. Ed., Macmillan & Co., 1948, h. 4.
3. Fakta asas juga disebut sebagai fakta yang menjadi isu. Ia adalah elemen atau kandungan penting yang mesti dibuktikan dalam sesuatu kes kerana melaluinya atau dalam hubungannya dengan fakta lain, kewujudan atau tidak wujudnya sebarang hak dan tanggungan dapat ditentukan. Bilamana sesuatu kes itu tidak dapat dibuktikan kewujudannya melalui keterangan terus (*direct evidence*), maka ia boleh dibuktikan melalui keterangan keadaan. Dalam keadaan ini setiap keterangan keadaan adalah merupakan fakta berkaitan (*relevant fact*). Lihat, Deoki Nandan Agarwala (ed.), *Monir's Principles and Digest of the law of Evidence*, 6th Ed. Allahabad: The University Book Agency, 1986, j.1, h. 37.
4. Aspek *qisas* yang melibatkan nyawa sahaja yang akan dibincangkan dalam artikel ini.
5. Ruzman Md. Noor, “*Qarinah Sebagai Keterangan Dalam Kes-kes Hudud: Kajian Terhadap Kes Zina*”, dalam Jurnal Syariah, j. 1, bil. 1, 1993, h. 124.
6. Dr. ‘Abdul Karim Zaidan, *Nizam al-Qada*’, Matbaah al-Ani; Baghdad, 1984, h. 221.
7. Ibn Qayyim al-Jawziah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syariyyah*, Kaherah: Matba‘ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah; 1953, hh. 11, 97. Juga Mahmud Saedon Awang Othman, *Undang-undang Keterangan Islam*, K.L., DBP, 1990, h. 148.
8. Ibn Qayyim, *op. cit.*, h. 7.
9. ‘AbdulFatah Muhammad Abu ‘Ainain, *al-Qada’ wa al-Ithbat fi al-Fiqh al- Islami ma‘a al-Muqaranah bi Qanun al-Ithbat al-Yamani*, Mesir: Matbaah al- Amanah, 1983, h. 423.
10. Dr. Wahbah al-Zuhaili, *op. cit.*, ms. 392.
11. *Ibid*, ms. 391.
12. Perbincangan tentang qasamah di sini tidak akan menghuraikan segala aspeknya secara terperinci. Aspek yang diberi penekanan ialah yang berkaitan dengan *lawith* atau *qarinah*.
13. *Ibid*, ms. 393.
14. Dr. AbdulKarim Zaidan, *op. cit.*, h. 225.
15. Bagi jumhur ulama asas atau kaedah sabitan yang mencapai tahap *qat'i* ialah *iqrar* dan syahadah sahaja.
16. Dr. Wahbah al-Zuhaili, *op. cit.*, ms. 399.
17. *Ibid*, ms. 410.
18. Ibn. Rushd, *Bidayat al-Mujtahid*, Mesir: Maktabah al-Kulliyyah al- Azhariyyah, 1966, j. 2, h. 432. Ibn. Qudamah, *al-Mughni*, Mesir: Maktabah al- Kaherah, 1969, j. 8, h. 68.
19. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, *op. cit.*, h. 149.
20. PP lawan Yuvaraj (1969) 2 MLJ 89.
21. (1962) 2 MLJ 307.